

## **KATAKAN TIDAK PADA BEG PLASTIK SEKALI GUNA**

**KUANTAN, 14 April 2022** – Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) mempergiatkan kempen “**Katakan Tidak Pada Beg Plastik Sekali Guna**” sempena bulan Ramadan di mana sudah menjadi kebiasaan orang ramai membeli makanan dan minuman yang dibungkus di bazar Ramadan.

Berlangsung di bazar Ramadan terkenal di Kuantan, Pahang, kempen itu menyaksikan pengagihan **300 beg guna semula dan 1,000 bekas bubur lambuk** kepada pengunjung bazar yang turut dihadiri oleh Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), YH. Dato' Hamdan Hussin dan, Pengarah SWCorp Negeri Pahang, Sharudin Hamid.

Mengulas mengenai kempen tersebut, Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Dato' Mohd Zain Hassan berkata, kempen tersebut merupakan salah satu usaha berterusan Alam Flora ke arah menyedarkan masyarakat tentang kepentingan alam sekitar yang bersih dan kehidupan lestari, selaras dengan matlamat kerajaan. mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menjelang 2030.

“Ini adalah kerana plastik mengambil masa 400 sehingga 1,000 tahun untuk diuraikan secara semulajadi. Natiujahnya, plastik-plastik ini menjana lebih banyak sisa timbunan sampah di tempat pembuangan sampah atau hanyut ke lautan dan membahayakan hidupan laut”

“Saya akui bukanlah mudah sebagai pengguna untuk membawa sendiri beg guna semula atau bekas makanan ke bazar Ramadan, tapi saya yakin dengan kempen dan program kesedaran berterusan dari Alam Flora, ianya mampu memberi kesedaran tentang kesan plastik sekali guna terhadap pencemaran alam,” tegas Dato' Mohd Zain.

Matlamat Pembangunan Lestari ke-12 ialah pengeluaran dan penggunaan yang bertanggungjawab bagi mengatasi kemusnahan alam. Peningkatan pengeluaran dan penggunaan barangan di seluruh dunia menjadi penyumbang utama kepada ekonomi bagaimanapun, ia perlu dilakukan dengan bertanggungjawab bagi mengelak kemusnahan kepada flora dan fauna.

Penggunaan plastik sukar dielakkan kerana sudah menjadi satu kebiasaan yang memudahkan kehidupan seharian daripada peralatan makanan sehingga komponen peralatan elektrik dan kenderaan

Berdasarkan laporan World Wildlife Fund (WWF) anggaran penggunaan bungkus plastik makanan di Malaysia mencecah 148,000 metrik tan, sepanjang tahun 2020. Statistik ini amat membimbangkan kerana sampah-sampah plastik ini menyumbang sebahagian daripada 5.25 trilion mikro dan makro kepingan plastik yang memenuhi lautan dunia setiap tahun. Sisa-sisa plastik sekali guna bukan sahaja menyebabkan penambahan kapasiti terhadap kawasan pembuangan sampah di Malaysia malahan plastik mikro menyebabkan impak negatif kepada kesuburan tanah dan sumber air bersih.

Sehubungan dengan itu, Alam Flora akan terus menjalankan program dan kempen mengenai keburukan plastik sekali guna, untuk meningkatkan kesedaran secara berkesan tentang kepentingan mengelakkan penggunaan plastik sekali guna ini dan kesannya negatif terhadap alam sekitar.

***MENGENAI ALAM FLORA SDN BHD:***

Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora), adalah anak syarikat Malakoff Corporation Berhad (Malakoff), yang ditubuhkan bagi memodenkan pengurusan sisa pepejal di Malaysia serta meningkatkan kecekapan dan mutu pengurusan sisa pepejal daripada peringkat penjanaan sisa sehingga ke proses pelupusan sampah. Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negara ini yang bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan di kawasan Tengah dan Pantai Timur Semenanjung, meliputi seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Jabatan Komunikasi dan Penjenamaan, Alam Flora Sdn Bhd**

Azman Shawal |Pengurus | HP: 019.218.9288 [azman@alamflora.com.my](mailto:azman@alamflora.com.my)

Farizan Hj. Yop |Penolong Pengurus | HP: 019.601.1678 | [farizan@alamflora.com.my](mailto:farizan@alamflora.com.my)